

**Pelantikan Taib Mahmud Disokong Rakyat Sarawak, Tidak Perlu Tentang, Kata Paul Low  
Malaysian Insider  
5 Mac, 2014  
Oleh Md Izwan**

Bekas Pengerusi TI Malaysia yang kini menjadi menteri, Datuk Paul Low menyifatkan Tan Sri Taib Mahmud mendapat sokongan daripada rakyat negeri Sarawak, maka tidak perlu menghalang pelantikannya sebagai Yang di-Pertua Negeri (YDP).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri tersebut menjawab soalan wartawan sama ada pelantikan tersebut perlu ditangguhkan sehingga selesai siasatan tuduhan rasuah dan salah guna ke atas Taib dan keluarganya selesai.

"Saya tidak tahu tentangnya.

"Bagaimanapun, kita bercakap tentang masyarakat berintegriti dan sebagainya. Beliau mendapat undi yang memberangsangkan untuk menjadi gabenor, maksudnya untuk berada dalam kerajaan," kata Low menjawab soalan wartawan semasa sidang media selepas sidang Corporate Governance Summit di Kuala Lumpur hari ini.

Menurut Low, jika rakyat memilih wakil pilihan mereka di kawasan yang ditandinginya, ia menunjukkan sokongan rakyat kepada pemimpin tersebut.

"Ia bermakna, apabila rakyat memilih ahli politik tersebut maksudnya mereka menyokong pemimpin itu," katanya lagi.

Low juga tidak mengulas lanjut mengenai tuduhan yang dilemparkan ke atas Taib kerana di luar bidang kuasanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan siasatan ke atas bekas ketua menteri Sarawak masih berjalan.

Taib yang meletakkan jawatan sebagai ketua menteri Sarawak sah dilantik sebagai YDP ke-7 pada 1 Mac baru-baru ini selepas hampir 33 tahun memegang jawatan itu.

Beliau menggantikan Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng yang penggalnya sebagai YDP Negeri Sarawak berakhir pada 28 Februari.

Taib dilantik ketua menteri keempat Sarawak pada 26 Mac, 1981, bagi menggantikan bapa saudaranya Tun Abdul Rahman Ya'kub.

Beliau menceburi politik pada 1963 apabila menjadi anggota Majlis Perundangan Negeri Sarawak sehingga 1966.

Sepanjang 33 tahun pemerintahannya, Taib dan keluarganya berdepan dengan skandal dan kontroversi melibatkan penyalahgunaan kuasa.

Dalam satu kajian lanjutan oleh Bruno Manser Fund (BMF), dianggarkan Taib mempunyai harta bernilai AS\$15 bilion (RM46 bilion) sementara 20 ahli keluarganya secara bersama mempunyai AS\$21 bilion (RM64 bilion).

Satu siasatan rahsia yang dijalankan NGO antarabangsa Global Witness mengaitkan Taib dengan kegiatan rasuah, rampasan tanah dan pengelakan cukai.

"Beliau dituduh melakukan kesalahan berkenaan menerusi pegangannya terhadap lesen pembalakan dan estet kelapa sawit di Sarawak," kata NGO itu yang turut menambah Taib juga bertanggungjawab terhadap beberapa kesalahan hak asasi manusia.

Sekumpulan 55 badan bukan kerajaan Malaysia dan sayap pemuda daripada empat parti politik pembangkang juga melancarkan petisyen secara online merayu Yang di-Pertuan Agong untuk menghalang pelantikan Taib. – 5 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pelantikan-taib-mahmud-disokong-rakyat-sarawak-tidak-perlu-tentang-kata-pau>